

# Evolusi bolot 40 kerusi UTM

## Peratusan keluar mengundi UKM, USM kurang sambutan

Oleh Rosniza Mohd Taha,  
Khairina Yasin, Nik Sukry Ramli,  
Shah Che Ahmad, Ihsan Noorzali  
dan Mahani Ishak  
[bhnews@bharian.com.my](http://bhnews@bharian.com.my)

**J**OHOR BAHRU: Calon Evolusi menang besar apabila menguasai 40 daripada 57 kerusi yang dipertandingkan dalam pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi sesi 2010/2011, kelmarin.

Kemenangan wakil Evolusi itu diraih menerusi penguasaan 12 kerusi Umum dan selebihnya kerusi Fakulti. Malah, lima kerusi Umum di Kuala Lumpur dan tiga lagi kerusi bagi Fakulti Kejuruteraan Elektrik turut dimenangi tanpa bertanding oleh calon Evolusi. Calon Pro-Mahasiswa memenangi 13 kerusi, selebih-

nya calon bebas.

Keputusan pilihan raya kampus itu diumumkan Pengerusi Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP, Prof Datuk Dr Mohd Tajudin Ninggal di Dewan Sultan Iskandar, kira-kira jam 12 tengah malam kelmarin.

Beliau yang juga Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Mahasiswa dan Alumni (HEMA) berkata, seramai 11,899 pelajar atau 85.43 peratus keluar mengundi.

Di KUALA LUMPUR, peratusan keluar mengundi paling rendah dicatatkan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) pada pemilihan MPP 2010/2011. UKM mencatatkan 50.06 peratus, manakala USM 54.24 peratus.

Calon Pro-M meneruskan penguasaan mereka di UKM

apabila memenangi 23 kerusi berbanding 14 kerusi diperoleh Pro-Aspirasi (Pro-A).

Di Universiti Putra Malaysia (UPM), calon Pro-A meneruskan tradisi apabila memenangi 31 kerusi, manakala Pro-M memperoleh 11 kerusi.

Keputusan pemilihan MPP Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pula menyaksikan bekas Yang Dipertua MPP, Amirul Afzan Norakim mendapat undian paling tinggi sekali gus berpeluang mempertahankan jawatan-

nya bagi sesi 2010/2011.

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) pula mencatatkan peratusan keluar mengundi yang tinggi dengan 86.24 peratus, manakala Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mencatat 88.39 peratus.

Calon Umum, Ibrahim Husin mendapat undi majoriti tertinggi dan bakal dilantik sebagai Yang Dipertua MPP USIM bagi sesi 2010/2011.

Pemilihan MPP USM kali ini menyaksikan 39 kerusi dipertandingkan, iaitu 31 kerusi pusat pengajian dan lapan umum dengan enam di kampus induk serta masing-masing satu dari kampus kejuruteraan dan kesihatan.

Di Universiti Malaya (UM), Pro-M menguasai apabila memenangi 23 daripada 43 kerusi dipertandingkan.

### FAKTA NOMBOR

57  
kerusi

Dipertandingkan dalam pemilihan MPP UTM